



MAJLIS OPTIK MALAYSIA
BAHAGIAN AMALAN PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

GARIS PANDUAN
PERKHIDMATAN OPTOMETRI MUDAH ALIH
(MOBILE OPTOMETRY PRACTICE)

Majlis Optik Malaysia
Bahagian Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 2, Blok E1, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya
Tel : 03 - 8883 1111
Emel : moc@moh.gov.my
Laman web : <http://www.moc.gov.my>

ISI KANDUNGAN

1.	Pengenalan	3
2.	Objektif	3
3.	Skop	3
4.	Peristilahan	4
5.	Syarat-syarat dan Protokol	
	5.1. Syarat-syarat	4
	5.2. Protokol	5
6.	Senarai Rujukan	6

1. PENGENALAN

Majlis Optik Malaysia (MOC) diberi mandat untuk melaksanakan aktiviti mengawalselia pengamal berdaftar supaya dapat melindungi dan menjaga kepentingan awam. Tujuan utama garis panduan ini adalah untuk mengekalkan standard kompetensi profesional pengamal dan tata etika pengamal yang berdaftar dengan Majlis Optik Malaysia. Juruoptik dan Optometris didefinisikan sebagai pengamal berdaftar dengan MOC.

Garis panduan yang dihasilkan adalah bertujuan untuk memberi panduan dan arahan yang jelas berhubung skop perkhidmatan pengamal berdaftar yang boleh diberikan dan bagaimana ia diberikan. Adalah menjadi tanggungjawab setiap pengamal untuk menjalankan penilaian secara profesional apabila hendak menentukan keperluan semasa dan masa hadapan setiap pesakit secara individu.

Garis panduan ini akan sentiasa berevolusi bagi menunjukkan kemajuan dalam bidang sains perubatan dan optometri, perkembangan inovasi teknologi dan kekinian dalam skop perundangan perkhidmatan.

2. OBJEKTIF

Garis panduan ini bertujuan untuk menetapkan tahap piawai dan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh optometris yang ingin menjalankan perkhidmatan optometri mudah alih (*mobile optometry service*) bagi memastikan keselamatan dan kesihatan penglihatan orang awam terpelihara.

Perkhidmatan optometri mudah alih ini dijalankan sebagai suatu aktiviti *outreach* pengamal dan dijalankan di kawasan di mana perkhidmatan optometri sukar diperolehi. Kepentingan garis panduan ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian (JKP) MOC bil. 5/2017 dan bil. 1/2018. Ia bertujuan membenarkan perkhidmatan optometri mudah alih bersyarat namun, perkara dalam Seksyen 33, Akta Optik 1991 tetap dipatuhi dengan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh MOC.

Perkhidmatan optometri mudah alih ini juga hendaklah tidak menyalahi **Tataamalan Optometris dan Juruoptik** iaitu **perkara 7.1** di mana “adalah dianggap tidak wajar bagi optometris, juruoptik atau badan korporat untuk terlibat di dalam penjualan alat-alat optik di tepi jalan dari setempat ke tempat lain.

3. SKOP

Garis panduan ini terpakai kepada semua pengamal optometri berdaftar dan badan korporat atau syarikat-syarikat yang bertanggungjawab menjalankan perkhidmatan optometri mudah alih. Ia tidak termasuk dengan aktiviti khidmat komuniti optometri.

4. PERISTILAHAN

4.1. Perkhidmatan optometri mudah alih (<i>Mobile optometry service</i>)	Perkhidmatan klinikal optometri yang diberikan di luar fasiliti fizikal premis optikal
4.2. Pengamal optometri berdaftar	Juruoptik atau optometris berdaftar dengan Majlis Optik Malaysia (MOC)
4.3. Juruoptik berdaftar	Seseorang juruoptik yang didaftarkan di bawah Seksyen 18 Akta Optik 1991
4.4. Optometris berdaftar	Seseorang optometris yang didaftarkan di bawah Seksyen 19 Akta Optik 1991
4.5. Premis optikal	Kedai yang mempunyai pengamal optometri dan memberikan perkhidmatan optometri .

5. SYARAT-SYARAT DAN PROTOKOL

5.1. SYARAT-SYARAT

- a) Pemeriksa;
 - Hanya pengamal optometri berdaftar yang dibenarkan menjalankan perkhidmatan ini.
 - Sebagai sebahagian dari proses pembelajaran bagi program optometri/opticianri yang telah mendapat akredetasi penuh.
 - Perlu mempunyai Perakuan Pengamalan Tahunan (APC) tahun semasa.
 - **MESTI** mempunyai **permis optikal**.
 - Premis optikal tersebut berada dalam daerah yang sama dengan pesakit.
 - Perlu memaklumkan kepada MOC bersama-sama permohonan pembaharuan Perakuan Pengamalan Tahunan (APC) untuk direkodkan dalam Fail Pengamal.

- b) Kes yang dibenarkan;
 - Pesakit yang kurang berupaya dan mempunyai pergerakan yang terbatas disebabkan faktor kesihatan.
 - Warga emas /OKU yang berada di pusat jagaan warga emas/OKU.
 - Penduduk di kawasan pendalaman yang mempunyai akses yang terhad terhadap perkhidmatan optometri.
 - Kumpulan sasar tertentu seperti golongan gelandangan, golongan kategori B40, orang asli dan kanak-kanak sekolah.
- c) Jenis perkhidmatan;
 - Pemeriksaan refraksi
 - Pemeriksaan kesihatan okular
 - Lain-lain perkhidmatan (jika perlu): memberi preskripsi cermin mata dan pemilihan bingkai / pemeriksaan susulan kes-kes rehabilitasi penglihatan terhad (*home-visit*).
- d) Tempat pemeriksaan; (hanya dibenarkan)
 - Rumah pesakit; atau
 - Pusat penjagaan orang kurang upaya (OKU) atau warga emas; atau
 - Pusat komuniti / klinik kesihatan / balai raya berdekatan.
- e) Peralatan optometri (minima);
 - Carta penglihatan jauh dan dekat
 - Retinoskop
 - Set kanta cubaan
 - Oftalmoskop
- f) Peralatan optometri tambahan :
 - Kamera fundus
 - tonometer
- g) Rekod pesakit / pelanggan;
 - Rekod pesakit perlu disimpan di premis optikal sebagai rujukan.
- h) Perancangan tindakan susulan;
 - Pesakit yang mempunyai masalah penglihatan yang kronik perlu dirujuk kepada profesional penjagaan kesihatan atau sumber rawatan lain yang sesuai untuk mendapatkan rawatan susulan.

- i) Maklumat pengamal dan premis optikal;
 - Pengamal hendaklah membekalkan kepada pesakit maklumat seperti:
 - i. nama pengamal
 - ii. nombor telefon
 - iii. alamat premis optikal (di mana pengamal bekerja)

5.2. PROTOKOL

- a) Pastikan bahawa ketika bekerja di rumah pesakit atau tempat tinggal masyarakat lain, persekitarannya selamat dan sesuai untuk penyampaian perawatan.
- b) Minimumkan risiko jangkitan dengan mengikuti kawalan jangkitan yang sesuai termasuk kebersihan tangan.
- c) Dalam keadaan kecemasan, ambil tindakan yang sewajarnya untuk memberi rawatan, dengan mempertimbangkan kecekapan anda dan pilihan lain yang tersedia :
 - Gunakan pertimbangan profesional anda untuk menilai keadaan yang mendesak
 - Berikan sebarang rawatan yang berada dalam ruang lingkup latihan anda yang akan memberi manfaat kepada pesakit
 - Berusaha sebaik mungkin untuk merujuk pesakit kepada profesional penjagaan kesihatan atau sumber rawatan lain yang sesuai.
- d) Fail pesakit perlu disimpan di tempat khas di premis optikal.

6. SENARAI RUJUKAN

- (a) Akta Optik 1991 dan Peraturan-peraturan Optik 1994
- (b) General Optical Council Standards : Ensure a safe environment for your patients;
<https://standards.optical.org/standards/ensure-a-safe-environment-for-your-patients/>
- (c) Tataamalan untuk Optometris-optometris dan Juruoptik-juruoptik;
<http://moc.moh.gov.my/en/optical-act/>